

RASIONAL

Keperluan latihan bagi Pengetua, Guru Besar, Pembantu Tadbir dan Pegawai-Pegawai lain dalam Kementerian Pelajaran dalam bidang Kewangan dan Perakaunan adalah amat penting. Merujuk kepada laporan audit yang diterima dari masa ke semasa, masih terdapat banyak kelemahan dari segi prosedur, rekod, dokumentasi, tanggungjawab, penyalahgunaan kuasa, akauntabiliti dan penyelewengan wang awam berlaku di sekolah. IAB, telah menyediakan satu pakej latihan yang lebih intensif dan berfokus bagi membantu usaha Kementerian Pelajaran merealisasikan hasrat "Pengurusan Cemerlang Tanggungjawab Kita".

Sehubungan dengan itu bagi memenuhi latihan dalam bidang tersebut maka Kursus Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah perlu diadakan bagi menyediakan tenaga kerja yang mahir dan dapat melaksanakan tugas sepertimana yang diharapkan di Institusi Pendidikan terutama di sekolah-sekolah. Kursus ini akan memberi kefahaman yang mendalam tentang pengetahuan dan kapakaran yang sedia ada dalam Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah bagi membolehkan peserta melaksanakan tugas mereka dengan cemerlang. Kursus ini juga merupakan satu usaha untuk melengkapkan diri para peserta dengan ciri-ciri dan personaliti yang sesuai dalam melaksanakan pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah dengan lebih efektif dan efisien. Di samping itu juga, kursus ini akan memberi peluang untuk bertukar-tukar pengalaman dan menjalinkan jaringan hubungan di peringkat nasional.

OBJEKTIF

Selepas menghadiri kursus ini diharap peserta akan dapat:-

1. Melaksanakan tugas mengikut peraturan kewangan dan perakaunan sekolah yang telah ditetapkan.
2. Mengamalkan *zero defect* (kecacatan sifar) dalam melaksanakan tugas-tugas kewangan dan perakaunan sekolah.
4. Menjayakan visi dan misi Kementerian Pelajaran Malaysia dalam meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah.
5. Memahami betapa pentingnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah.
6. Mengetahui cara melaksanakan tugas dengan lebih teratur dan sistematis.

KOMPETENSI

- ❑ Berupaya melaksanakan arahan yang diberi melalui pekeliling-pekeliling kewangan yang berkuatkuasa.
- ❑ Mempunyai kebolehan sebagai pakar rujuk dalam melaksanakan tugas-tugas kewangan.
- ❑ Melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran bagi melicinkan pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah.

KANDUNGAN KURSUS

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none">❑ Pengurusan Geran PerKapita (PCG)❑ Pungutan dan Terimaan❑ Perolehan dan Bayaran❑ Penyelenggaraan Buku Tunai | <ul style="list-style-type: none">❑ Panjar Wang Runcit❑ Pengurusan Aset dan Stor❑ Akauntabiliti dan Isu-Isu dalam Pengurusan Kewangan Sekolah |
|---|---|

KAEDAH KURSUS

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">❑ Syarahan❑ Perbengkelan / Latihan Amal | <ul style="list-style-type: none">❑ Soal-Jawab Interaktif / Perbincangan Kumpulan |
|--|---|

KUMPULAN SASARAN

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">❑ Guru Besar | <ul style="list-style-type: none">❑ Guru Penolong Kanan |
|--|---|

PENSIJILAN

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none">❑ Sijil Penyertaan | |
|--|--|

PENGURUS EN. LEW YEOK LENG	PENGURUS BERSAMA EN. MADZANI @ SAIDIE NUSA
---	---

PENCERAMAH

CIK NORAIIDA HAJI MOHD NOR 03-61056183	PN. CHE MAZNAH MOHAMED 03- 0361056275
---	--



INSTITUT AMINUDDIN BAKI CAWANGAN SABAH
Kementerian Pelajaran Malaysia
Jln Kinabalu Int Sch, Off Jln Khidmat Bkt Padang, 88300 Kota Kinabalu
Sabah

Tel : 088-243563

Fax : 088-248569 Email : zonsabah@iab.edu.my